

# ADA PEMBERITA JADI ALAT YAHUDI - PM

17 AUG 1986  
P  
PENDANG 16 Ogos — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata terdapat setengah pemberita menjadi "alat" kepada majalah - majalah luar negeri yang dimiliki oleh orang Yahudi untuk menghuru - harakan negara ini.

Mereka menulis pelbagai cerita dan karangan bertujuan menimbulkan semangat di kalangan orang yang menentang kerajaan, katanya pada majlis korban Aidiladha di sini hari ini.

Beliau berkata bahawa akhbar dan majalah asing berkenaan juga memberi sokongan kuat kepada PAS dan DAP, kononnya kedua - dua parti itu akan mendapat kemenangan pada pilihanraya umum yang lepas.

"Harapan mereka ialah supaya kedua-dua parti

itu menang dan sekiranya ia menjadi kenyataan, huru-hara akan berlaku di negara ini," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata golongan itu sebenarnya tidak suka kepada agama Islam tetapi majalah mereka memberi sokongan yang kuat kepada PAS.

Bagaimanapun, tegasnya, majalah - majalah asing itu amat kecewa kerana kedua-dua parti pembangkang berkenaan tidak menang.

Namun begitu, mereka mendakwa kononnya PAS masih kuat serta akan memberi sokongan kepada kedua-dua parti itu pada masa akan datang supaya kedua - duanya mendapat semangat baru untuk menentang kerajaan Barisan Nasional, juga untuk mewujudkan hura - hara di negara ini.

Golongan berkenaan juga menggunakan majalah mereka untuk memberi gambaran yang salah mengenai kedudukan ekonomi negara ini, katanya.

Beliau berkata sekiranya huru-hara berlaku, negara akan rugi kerana ia terkenal sebagai sebuah negara yang menyokong kuat orang - orang Palestin yang melawan Yahudi.

"Sebab itu puak Yahudi ini menggunakan akhbar mereka untuk menentang negara-negara yang terlibat," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa terdapat juga orang yang serupa itu di negara ini yang selalu memberi sokongan kepada PAS kerana mereka tahu jika parti itu berkuasa huru-hara akan berlaku. dan bukannya kerana mereka sukakannya.

Mereka juga menulis bermacam-macam cerita untuk menimbulkan semangat di kalangan orang-orang yang menentang kerajaan seterusnya ingin melihat negara ini tidak lagi stabil.

"Kita kenal mereka dan kita sentiasa memerhatikan kegiatan mereka, kita anggap mereka sebagai alat kepada orang Yahudi serta berasa sedih kerana ada orang Melayu yang mahu diperalatkan untuk menjayakan hasrat Yahudi," tegasnya.

Beliau menasihati rakyat supaya berhati-hati dengan golongan itu serta menyedari rancangan Yahudi untuk memusnahkan orang Is-

LIHAT MUKA II

## SAMBUNGAN DARI MUKA 1

### Ada pemberita jadi alat Yahudi — PM

lam.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata niat buruk Yahudi ketara kerana kegiatan Yahudi kebelakangan ini menjadi lebih jelas kerana sesuatu yang mereka buat ialah untuk memusnahkan umat Islam.

Sementara itu, ketika berucap di satu majlis korb-

an Aidiladha di hadapan kira-kira 1,000 orang di Pendang juga Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata:

"Umat Islam hendaklah mengeneipkan segala kehendak nafsu yang mendorong mereka melanggar perintah Allah.

"Mereka juga harus mengorbankan perasaan supaya hubungan sesama

masyarakat sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

"Sikap marah semata-mata kerana mengikut kehendak nafsu dalam pilihanraya umum lepas hendaklah dikikis."

Perdana Menteri juga kesal dengan tindakan segelintir masyarakat Islam di Kelantan yang tidak menyambut Hari Raya Aidiladha semalam.

MM 17 AUG 1985  
Datuk Sri Dr. Mahathir mengulas laporan akhbar hari ini yang mengutip bahawa kira-kira 500 orang penduduk beragama Islam di Kampung Lubuk Chekok di Pasir Mas tidak menyambut Hari Raya semalam kerana mereka mendakwa kononnya belum sampai waktu untuk berbuat demikian.

Datuk Sri Dr. Mahathir mahukan para ulama mem-

buat penjelasan kepada golongan berkenaan supaya perkara seumpama itu tidak berulang lagi.

Yang turut hadir di majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, anggota Parlimen Pendang Encik Othman Abdul dan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Air Putih Hajjah Fatimah Ismail.